

Mahasiswa UMP melaksanakan projek empangan air untuk kemudahan penduduk kampung.



# Inovasi semarakkan Explore Kapit

“SUASANA BERTAMBAH MERIAH APABILA PROGRAM SUKANEKA DAN PERTANDINGAN ANTARA RUMAH PANJANG DIADAKAN, TERMASUK ACARA TARIK TALI DAN BOLA SEPAK”

Michael Jangi,  
Pengaruh program



Pelajar sekolah berpeluang menyaksikan projek inovasi tahun akhir mahasiswa UMP.



Alexander (depan, tiga dari kanan) dan Prof Yuserie (tiga dari kiri) turut hadir memberi sokongan.



Program motivasi dan perkongsian ilmu antara mahasiswa UMP dengan pelajar sekolah di Kampung Ng Merit.

Oleh Mimi Rabita  
Abdul Wahid  
bhvarsiti@bh.com.my

Kapit

Seramai 24 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) memanfaatkan daya inovasi mereka untuk membantu meningkatkan kualiti hidup komuniti rumah panjang Sarawak di Kampung Ng Merit di sini, menerusi pelaksanaan program Explore Kapit 2014, baru-baru ini.

Pengaruh program itu, Michael Jangi, 23, berkata antara lain mereka melaksanakan projek empangan air dengan meninggikan aras ketinggian tanah untuk membolehkan air bertakung dan mengalir deras.

Katanya, usaha itu bertujuan menyediakan kemuda-

han lebih baik untuk dinikmati penduduk terbabit yang bergantung kepada air sungai sebagai sumber bekalan utama.

Beliau berkata, inovasi lain diperkenalkan meliputi projek menggabungkan penanaman sayur kangkung dengan penternakan ikan talapia, memasak menggunakan pantulan cahaya matahari, dan fabrikasi untuk menyalurkan air ke rumah panjang bagi menjimatkan penggunaan pam.

Teruja sambut tetamu

“Program ini diadakan bagi mendekati masyarakat luar bandar di Kapit yang terdiri daripada suku kaum Iban dan Beketan. Fokus utama kami ialah menjalankan projek inovasi yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat minoriti berkenaan.

“Penduduk terbabit gembira dan teruja menyambut kedatangan mahasiswa UMP, lebih-lebih



Pertandingan bola sepak mengeratkan hubungan masyarakat setempat dengan mahasiswa UMP.

lagi ini julung kali mereka menerima tetamu yang sanggup menetap serta menjalani aktiviti selama enam hari bersama-sama 16 keluarga angkat di rumah panjang,” katanya.

Michael berkata, peserta turut membantu pelajar di kampung itu untuk menyediakan perpustakaan mini, melukis dan mewarnakan mural, serta menghasilkan pelancar roket air di Sekolah Kebangsaan (SK) Ng Merit.

Selain itu, beliau berkata, program motivasi, perkongsian ilmu dan lawatan sambil belajar diadakan ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kapit dan Kolej Vokasional Sib.

Majlis ‘Ngiling Bida’

“Suasana bertambah meriah apabila program sukaneka dan pertandingan antara rumah panjang diadakan,

termasuk acara tarik tali dan bola sepak,” katanya.

Dalam pada itu, penghuni rumah panjang berkenaan tidak ketinggalan mengadakan majlis meraikan tetamu dikenali sebagai ‘Ngiling Bida’ dengan menampilkan pelbagai persembahan menarik, termasuk sketsa dan tarian Ngajat.

Program itu dianjurkan oleh Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP berserta sokongan Kerajaan Negeri Sarawak dan Kementerian Pendidikan.

Majlis penutup program itu disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi.

Yang turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof Datuk Dr Yuserie Zainuddin.

